



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan  
di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PENOLONG PENGARAH (KUMPULAN 2)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Pendidikan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENOLONG PENGARAH  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Bahagian Kluster di Jabatan Sekolah-Sekolah dan membantu Pengarah Sekolah-Sekolah dalam memantau keberkesanan pelaksanaan bagi 4 *domain* dalam *Whole School Evaluation (WSE)* iaitu Kepimpinan dan Pengurusan; Pembelajaran dan Pengajaran; Etos dan Persekutuan dan Hasil Pembelajaran Pelajar;
2. Melapor dan mengongsikan maklumat kepada Ketua Jabatan mengenai isu dan perkembangan terkini mengenai sekolah-sekolah dalam kluster, khususnya hal yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pencapaian dalam Inisiatif Pendidikan (El) (*Quality Teaching and Learning, School Homelink: Academic and School Leadership*);
3. Menyediakan khidmat bantu dan sokongan kepada pemimpin sekolah dalam melaksanakan Inisiatif Pendidikan (El) ke arah mencapai sasaran Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam;
4. Menyelia dan memantau perkembangan dan kemajuan sekolah-sekolah dalam pelaksanaan dan pencapaian sasaran Inisiatif Pendidikan (El) dari semasa ke semasa;



5. Menyediakan dan melaksana, menilai serta merebiu Pelan Tindakan Kluster dengan memastikan Pelan Tindakan sejajar dengan Inisiatif Pendidikan (El) serta matlamat Jabatan dan Kementerian Pendidikan;
6. Menyelia dan memantau pelaksanaan *Student Assessment Tracker (SAT)* di peringkat sekolah, menilai serta mengongsikan pencapaian sekolah bagi merangka dan melaksana strategi ke arah pembaikan;
7. Menilai keberkesanan kepimpinan para pemimpin sekolah bagi mengenalpasti pemimpin yang berkesan bagi tujuan sokongan kenaikan pangkat dan mengikuti kursus, pencalonan pemimpin cemerlang dan penempatan atau penyusunan semula pemimpin sekolah;
8. Memastikan semua pemimpin sekolah menyediakan dan mengemaskinikan *School Improvement Plan (SIP)*, memantau dan membimbang mengenai pelaksanaannya bagi memastikan program atau inisiatif yang dirancang dilaksanakan dengan baik dan berkesan;
9. Memastikan pemimpin-pemimpin sekolah mencapai Prestasi Petunjuk Utama / *Key Performance Indicator (KPI)* pencerapan mingguan minima;
10. Membimbang dan memberi sokongan kepada pemimpin sekolah untuk melaksanakan pencerapan menggunakan *Teacher's Performance Appraisal (BTS-TPA 2.0)* secara konsisten dan berkesan ke arah meningkatkan amalan kepimpinan instruksional demi mengukuhkan kompetensi pemimpin sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran;
11. Membimbang dan membantu pemimpin sekolah untuk melaksanakan pencerapan dan strategi maklum balas kepada guru-guru dengan cara yang efektif ke arah meningkatkan pemimpin sekolah dalam pencerapan dan maklum balas;
12. Mengongsikan maklumat kepada para pemimpin sekolah dan Pegawai-Pegawai kluster mengenai perkembangan, perubahan dan inisiatif terkini yang melibatkan penglibatan dan pelaksanaannya di sekolah dan Kementerian Pendidikan;



13. Membimbing dan memberikan sokongan kepada Pegawai-Pegawai kluster bagi memperkembangkan kompetensi dan kapasiti mereka dalam melaksanakan tugas-tugas penyeliaan dan pemantauan pengajaran dan pembelajaran serta kepimpinan sekolah;
14. Memastikan pihak sekolah melaksanakan dasar Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 berlandaskan kepada konsep dan Falsafah Melayu Islam Beraja;
15. Memastikan pelaksanaan dan keberkesanan program penambahbaikan (*enrichment and remedial*) dan intervensi bagi pelajar-pelajar yang memerlukan serta memberikan bimbingan dan sokongan bagi keberkesanan program berkenaan;
16. Menyokong usaha pihak sekolah dalam mengenalpasti dan mendapatkan keperluan sumber dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan;
17. Mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah dari semasa ke semasa;
18. Sentiasa peka dengan segala perubahan dan perkembangan dalam pendidikan negara serta program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan; dan
19. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.